

# KERATAN AKHBAR

JUDUL : SWA BOARDCASTING

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

## BAUCAR BUKU SEMARAK MEMBACA DIPERKENAL PNM



KUALA LUMPUR – Kementerian Pelancongan , Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) telah memperkenalkan inisiatif baharu , melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Persatuan Penerbit Buku Malaysia

**(MABOPA)** , iaitu **Program Penebusan Baucar Buku Semarak Membaca** bermula daripada **21 Oktober** sehingga **15 November 2021** . Inisiatif ini juga disokong oleh **Majlid Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM)** serta **Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBA)**.

Baucar yang bernilai **RM10 setiap sebuah buku** ini telah diedarkan ke 168 buah kedai buku yang terpilih , dan boleh ditebus melalui sebuah kedai buku secara atas talian di laman sesawang [www.e-sentral.com](http://www.e-sentral.com) . Ia akan disusuli dengan penebusan secara fizikal di 167 buah kedai buku yang turut terpilih mulai semalam , 25 Oktober.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan , kedai buku yang terpilih adalah dibawah seliaan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dan Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBA) dengan hanya **500 orang penerima baucar terawal** di setiap kedai buku terpilih berpeluang menikmati baucar diskaun ini.

” Penerima baucar layak menebus atau menikmati potongan diskaun dengan perbelanjaan minimum sebanyak RM20 dan ke atas dalam satu resit transaksi , ” tambahnya.

Selain mendapat potongan diskaun , penerima baucar secara automatik akan **berdaftar sebagai ahli u-Pustaka** dan berpeluang **menikmati akses kepada bahan bacaan digital secara percuma** pada bila-bila masa sahaja.

PNM percaya , program sebegini mampu menjadikan amalan membaca sebagai budaya di dalam Keluarga Malaysia , bahkan dapat meringankan beban rakyat untuk membeli buku . Ia juga dijadikan sebagai langkah kerajaan dalam membantu memulihkan semula industri buku tempatan.

Untuk mengetahui maklumat lanjut nengenai promosi baucar buku dan senarai kedai-kedai buku yang terlibat dalam inisiatif ini boleh dilayari melalui laman sesawang [www.semarakmembaca.com](http://www.semarakmembaca.com).